

TERMA DAN SYARAT PELAN FLEXI-CREDIT UOBM

Terma dan syarat dalam dokumen ini akan diguna pakai untuk Program (“Program”) Pelan Flexi-Credit (Flexi-Credit-Plan atau “FCP”) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) dan harus dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad Visa / Mastercard UOBM (“Perjanjian Ahli Kad”).

Jika terdapat ketidaksejajaran di antara dokumen ini dan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat dalam dokumen ini akan digunakan untuk semua perkara berhubung dengan Program. Kecuali ditafsirkan secara berlainan dalam dokumen ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam dokumen ini akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Perjanjian Ahli Kad.

1. Program ini dibuka kepada semua pemegang Kad Kredit UOBM prinsipal yang baru atau sedia ada (“Ahli Kad”).
2. Ahli Kad dengan akaun terkini dan berada dalam kedudukan baik dengan Had Kredit tersedia yang mencukupi boleh memohon untuk Program ini.
3. Ahli Kad boleh memohon untuk Program –
 - i. melalui telefon; atau
 - ii. dengan melengkapkan dan menyerahkan borang permohonan yang ditentukan oleh UOBM melalui faksimile kepada 03-2639 2166.
4. Pemegang kad boleh mengeluarkan sehingga 80% daripada Had Kredit mereka dari Akaun Kad Kredit (“Had Kredit”) atau sehingga 100% daripada Had Kredit sedia ada sekiranya pengeluaran sedemikian di bawah Program ini tidak pada sebarang waktu melebihi Had Kredit. Pengeluaran adalah tertakluk kepada pengeluaran minimum RM1,000 setiap permohonan. UOBM boleh menukar had/amaun kredit pada bila-bila masa dan pada budi bicara mutlakny.
5. Ahli Kad mesti menyediakan butiran seperti berikut dalam borang permohonan:
 - i. Amaun yang akan dikeluarkan (“Amaun Pelan Flexi-Credit”).
 - ii. Butiran akaun simpanan atau semasa Ahli Kad di bank berlesen di Malaysia di mana Amaun Pelan Flexi-Credit yang diluluskan akan dipindahkan.
6. Selepas permohonan diluluskan, Amaun Pelan Flexi-Credit akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan dengan UOBM atau mana-mana institusi kewangan lain yang dinyatakan dalam borang permohonan melalui –
 - i. pemindahan Giro Antara Bank (Inter-Bank Giro atau IBG) ke dalam akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan dengan sebuah bank berlesen di Malaysia;
 - ii. cek yang dikeluarkan oleh UOBM untuk Ahli Kad dan didepositkan ke dalam akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan dengan sebuah bank berlesen di Malaysia;
 - iii. pemindahan dalaman kepada akaun simpanan atau semasa Ahli Kad yang dikekalkan dengan UOBM, atau mana-mana saluran lain yang dipilih oleh UOBM pada budi bicara mutlakny.

7. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang caj, kerugian, ganti rugi atau liabiliti dalam apa-apa bentuk sekalipun yang ditanggung oleh Ahli Kad yang disebabkan oleh sesuatu penangguhan atau kegagalan oleh UOBM dalam meluluskan sebarang permohonan di bawah Program atau mengkreditkan Amaun Pelan Flexi-Credit.

8. Ahli Kad boleh menyerahkan lebih dari satu permohonan di bawah Program, tertakluk kepada Had Kredit yang tersedia.

9. UOBM boleh, pada budi bicara mutlaknyanya, meluluskan atau menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab untuk keputusan tersebut, dan untuk menentukan amaun yang dibenarkan untuk dikeluarkan.

10. Kelulusan mungkin tertakluk kepada terma dan syarat lanjutan yang mungkin dikuatkuasakan oleh UOBM pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya.

11. Tiada faedah tambahan akan dikenakan jika amaun ansuran bulanan dibayar dengan penuh sebelum Tarikh Matang Bayaran yang dinyatakan dalam Penyata Akaun. Jika amaun ansuran tidak dibayar dengan penuh pada tarikh matang, kadar faedah Kad Kredit lazim sebanyak 1.5% sebulan atau 18% setahun atau kadar faedah terkawal lazim akan dicajkan pada baki ansuran yang masih belum dibayar pada tarikh matang selaras dengan Perjanjian sehingga amaun ansuran diselesaikan dengan sepenuhnya.

12. Selepas tempoh Pelan Flexi-Credit ("Tempoh Ansuran FCP") tamat, sebarang baki tertunggak juga akan tertakluk kepada caj kewangan lazim sebanyak Satu Persepuluh Lima peratus (1.5%) sebulan atau Lapan Belas peratus (18%) setahun atau kadar faedah terkawal lazim akan dikuatkuasakan sehingga tarikh pembayaran penuh.

13. Jumlah Amaun Pelan Flexi-Credit dan faedah perlu dibayar akan dihantar kepada Akaun Kad Kredit Ahli Kad dalam Penyata Akaun dengan serta-merta selepas permohonan untuk Program ini diluluskan.

14. Selepas permohonan diluluskan, jumlah yang sama dalam Had Kredit Ahli Kad akan disimpan untuk tujuan ini, dan baki Had Kredit sedia ada akan dikurangkan dengan sewajarnya. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang disebabkan oleh Had Kredit yang tidak mencukupi. Had Kredit akan dipulihkan secara progresif selaras dengan pembayaran balik Amaun Pelan Flexi-Credit yang diluluskan.

15. Fi Penyelesaian Awal sebanyak RM50 dan jumlah yang sama dengan satu (1) faedah bulan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Flexi-Credit-Plan ("Penalti Faedah") akan segera dikenakan jika mana-mana yang berikut berlaku:

- i. Ahli Kad menamatkan atau memberhentikan Program dengan membuat bayaran penuh dalam Flexi-Credit-Plan Tempoh Ansuran;
- ii. Ahli Kad membatalkan Akaun Kad Kredit; atau
- iii. UOBM menamatkan atau menutup Akaun Kad Kredit Ahli Kad.

16. Ahli Kad menanggung liabiliti bayaran untuk cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai lain atau levi pada tarikh kelulusan permohonan Ahli Kad untuk Program atau pada bila-bila tarikh selepas tarikh kelulusan permohonan Ahli Kad untuk Program, yang diwajibkan di sisi undang-undang (termasuk Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan) yang dibayar kepada mana-mana perbadanan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa atas UOBM, berkenaan dengan yuran dan caj yang dicajkan atau dikenakan oleh UOBM berkenaan dengan Program yang diberikan kepada Ahli Kad.

17. Ahli Kad memberi kebenaran dan bersetuju bahawa cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai lain atau levi yang dikenakan oleh UOBM berkenaan Program yang diberi oleh UOBM kepada Ahli Kad, akan ditanggung oleh Ahli Kad dan dicajkan kepada Ahli Kad dan jika UOBM membuat bayaran bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada UOBM untuk amaun yang telah dibayar dan UOBM berhak mengkreditkan cukai, duti dan levi ke dalam Akaun Kad Kredit.

18. Apabila Akaun Kad Kredit ditutup selaras dengan Perjanjian Ahli Kad, program ini akan terbatal dengan serta-merta dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk menyelesaikan sepenuhnya baki tertunggak dan caj yuran yang dikenakan oleh UOBM di bawah Program ini.

19. Jika mana-mana atau kombinasi yang berikut berlaku, jumlah tertunggak di bawah Program patut dan perlu dibayar dengan serta-merta, akan dikenakan faedah pada 18% setahun, dan perlu dibayar selaras dengan Perjanjian:

- i. Pelanggaran mana-mana terma dan syarat di dalam dokumen ini.
- ii. Peristiwa keingkaran di bawah Perjanjian ini.
- iii. Kelewatan atau kegagalan untuk membayar sebarang jumlah di bawah Program.
- iv. Kegagalan untuk membayar sebarang wang pada tarikh matang, atau melepaskan sebarang tanggungjawab atau liabiliti yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada UOBM di bawah mana-mana perjanjian dengan UOBM atau di bawah sebarang kemudahan perbankan/kredit. Peristiwa-peristiwa di atas akan juga memberi hak kepada UOBM untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad Kredit, dan untuk menggabungkan semua amaun tertunggak ke dalam Akaun Kad Kredit utama.

20. Ganjaran UNIRinggit atau Rebat Tunai Smart\$ tidak akan diberi di bawah Program ini.

21. Tertakluk pada Klausula 22 di bawah, UOBM boleh pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya menamatkan, menggantung, mengubah, mengeluarkan dan/atau menambah terma dan syarat di dalam dokumen ini dengan pemberian notis terdahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kepada Ahli Kad melalui makluman di laman web UOBM, pemaparan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.

22. Sebarang pertukaran kepada fi dan caj boleh dilakukan oleh UOBM pada bila-bila masa dan pada budi bicara mutlakanya dengan pemberian notis terdahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kepada Ahli Kad.

23. UOBM tidak akan dipertanggungjawabkan dan akan menafikan semua liabiliti bagi sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, ganti rugi, kos, caj, dan perbelanjaan yang mungkin dialami, dihadapi atau ditanggung oleh seorang Ahli Kad melalui penyertaan beliau dalam Program.

24. UOBM berhak membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini dengan notis terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh UOBM untuk Program tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad untuk sebarang tuntutan atau pampasan dari UOBM untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Ahli Kad secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan ini.

25. Dokumen ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa Mahkamah undang-undang Malaysia.